

# Masa terbaik pembentuk Komuniti Asia Timur: PM

BH - 22/6/2004 : 3

Oleh Misiah Taib dan Abdul Halim Yusoff

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak negara Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan mempercepatkan proses pembentukan Komuniti Asia Timur ke arah hala tuju baru dan ke tahap lebih tinggi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yakin sekarang adalah masa terbaik untuk melancarkan Projek Keamanan Asia Timur (Komuniti Keamanan Asia Timur), Projek Ekonomi Asia Timur (pembentukan Komuniti Ekonomi Asia Timur) dan Projek Diplomati Asia Timur (pembentukan Komuniti Diplomati Asia Timur).

"Saya percaya kita di rantau ini telah lama berlengah-lengah. Sudah sampai masanya untuk membawa proses pembentukan Komuniti Asia Timur ke tahap yang lebih tinggi dan dalam hala tuju yang baru," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapamannya pada perasmian Kongres Asia Timur Kedua anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini, semalam.

Pada sesi dialog pula, Abdullah menjelaskan Komuniti Asia Timur yang akan dibentuk mestilah berasaskan kerjasama bagi membantu memakmurkan jiran.

Ia juga, katanya, dalam bentuk kerjasama dengan pertubuhan global, seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Beliau juga yakin pembentukan Komuniti Asia Timur tidak akan menyebabkan Asean disisihkan atau semakin lemah, sebaliknya yakin ia akan menjadi bertambah kuat dan akan meneruskan kerjasama dengan China, Jepun serta Korea Selatan dalam menangani masalah bersama.

"Asean adalah sebuah komuniti sub-serantau yang penting dan terbukti sangat berjaya,"

katanya.

Dalam masa sama, kata Perdana Menteri, Asean + China, Jepun dan Korea Selatan pula komited untuk bekerjasama dalam mencari penyelesaian bagi kepentingan bersama.

Beliau yang berharap dapat melihat Komuniti Asia Timur menjadi kenyataan tidak lama lagi berkata, pembentukannya bergantung kepada perjanjian antara negara yang terbabit.

Abdullah berkata, pembentukan Komuniti Asia Timur adalah cadangan daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, 13 tahun lalu.

Pada awalnya, kata beliau, cadangan itu mendapat cemuhan dan ditentang hebat tetapi kini idea berkenaan dapat diterima.


Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah berkata, jika rantau ini bernasib baik dan berpegang teguh kepada komitmen mereka, Asia Timur berkemungkinan mengambil masa sekurang-kurangnya satu generasi untuk mencapai tahap komuniti keamanan Asean yang ada sekarang.

"Sekiranya kita benar-benar bernasib baik, jika kita benar-benar gigih, Asia Timur perlu mengambil masa sekurang-kurangnya dua generasi untuk mencapai tanda aras Eropah," katanya.

Beliau turut menggariskan enam ciri penting ke arah mewujudkan masyarakat Asia Timur, iaitu kesaksamaan dan demokrasi; pelbagai arah dan menyeluruh; penyayang dan saling manfaat; komited kepada pengupayaan global; memberi tumpuan kepada kemakmuran ekonomi dan keutamaan terhadap keamanan serantau serta persahabatan.

Abdullah berkata, enam ciri berkenaan penting kerana proses kerjasama lebih luas dan pembangunan masyarakat Asia Timur tidak boleh disekat.

"Tidak boleh ada ego kenegaraan atau perjanjian yang tidak saksama, paksaan, ugutan, buli



**ABDULLAH** menyampaikan ucapama sempena majlis perasmian Kongres Asia Timur Kedua anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di ibu negara, semalam. - Gambar Bernama

dan hegemoni dalam mempromosi masyarakat saksama dan demokratik," katanya.

Beliau juga berkata, masyarakat Asia Timur mestilah meliputi pelbagai latar belakang daripada banyak negara yang berpandangan terbuka dan bersedia menjadi sahabat kepada semua yang mampu menyumbang ke arah keamanan serantau dan kemakmuran.

Dari segi sifat penyayang dan saling menguntungkan, Abdullah berkata, usaha sama yang membawa kepada kelebihan berat sebelah untuk mana-mana pihak tanpa manfaat yang munasabah kepada yang lain, bukan satu idea yang baik.

Bagi ciri pengupayaan global pula, katanya, keupayaan yang lebih diperlukan dalam dunia ekonomi dan politik, selain dalam dunia idea

serta budaya.

Perdana Menteri turut menekankan mengenai pentingnya usaha memberi tumpuan kepada kemakmuran ekonomi sambil berkata, usaha ke arah kehidupan lebih baik bagi masyarakat Asia Timur baru bermula walaupun sebahagian kemiskinan mutlak di dunia boleh ditebus di rantau ini.

"Pada tahun-tahun akan datang, kita bukan saja perlu bersiap sedia untuk memenuhi pembangunan keamanan dan persahabatan.

"Keutamaan kita ialah keamanan dan persahabatan yang tiada tandingan. Ia perlu diletakkan sebagai keutamaan dan mengatasi segala-galanya," katanya sambil menambah ia adalah objektif terpenting dalam membangunkan masyarakat Asia Timur.